



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

24.11.2023

❖ Melangkaui bilik lembaga: Pengarah mulakan prosiding terbitan

Pasaran saham Malaysia dikejutkan dengan peristiwa yang agak luar biasa atau mungkin belum pernah berlaku sebelum ini apabila seorang pengarah syarikat memulakan prosiding terbitan (*derivative proceedings*) terhadap pengarah individu dan pengurusan sebuah syarikat ('Pihak terbabit') atas dakwaan pelanggaran tanggungjawab fidusiari.

Entiti terbabit, Malaysian Genomics Resource Centre Bhd (MGRC), menerima Saman Pemula (*Originating Summons*, OS) pada 25 Oktober 2023 daripada salah seorang pengarah bebas bukan eksekutifnya (*Independent director*, ID/ Pemohon) untuk memulakan prosiding terbitan di bawah Seksyen 347 dan Seksyen 348 (2) Akta Syarikat 2016, atas nama MGRC, terhadap pengarah individu dan pengurusan Syarikat atas dakwaan pelanggaran tanggungjawab fidusiari.

Dalam jawapan kepada pertanyaan daripada Bursa Malaysia bertarikh 9 November, MGRC mendedahkan bahawa OS tersebut adalah mengenai transaksi tertentu yang dibuat oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya dengan pihak luar. Tuntutan berikut telah dibuat terhadap lembaga pengarah MGRC dan pegawai berkaitan dalam Syarikat kerana melanggar tanggungjawab fidusiari mereka:

- Mendapatkan kelulusan daripada lembaga pengarah sebelum melaksanakan urus niaga tertentu.
- Para pengarah telah gagal melaksanakan tugas pengawasan dan pengawalan mereka serta gagal membuat pendedahan yang diperlukan pada masa yang penting.
- Lembaga MGRC telah mengundi untuk menukar akhir tahun kewangan syarikat (dari 30 Jun 2023 kepada 31 Disember 2023) dan bukannya menyelesaikan isu audit yang diketengahkan oleh juruaudit luar mereka.
- Kelemahan pengurusan serta kurangnya pendedahan dalam pengurusan operasi dan kewangan syarikat.

Berikutan itu, pada 16 November, MGRC telah memfailkan Afidavit Balasan dan Afidavit Balasan Tambahan sebagai maklum balas kepada OS di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

Kedua-dua afidavit mempertahankan pendirian MGRC dengan pandangan bahawa Pemohon tidak bertindak dengan suci hati dan demi kepentingan terbaik Syarikat, kerana Pihak terbabit telah mengambil langkah yang diperlukan untuk

menyemak semua urus niaga yang terlibat bagi memastikan langkah terbaik seterusnya yang perlu diambil untuk kepentingan terbaik Syarikat dan pemegang kepentingannya.

Selain daripada kos yang berpotensi dikenakan terhadap Syarikat dan kos perundangan yang berkenaan, MGRC menyatakan bahawa kos-kos lain yang berkaitan dengannya masih belum ditentukan.

Pengurusan kes telah ditetapkan pada 23 November melalui e-semakan.

Prosiding terbitan

Secara ringkas, prosiding terbitan ialah tindakan yang dibawa oleh pemegang saham atau pengarah sesebuah syarikat atas nama dan bagi pihak syarikat berkenaan berhubung kesalahan yang dilakukan terhadap syarikat.

Selalunya, prosiding terbitan dibuat untuk menguatkuasakan sebarang pelanggaran hak syarikat apabila lembaga pengarah enggan berbuat demikian. Ia berhasrat untuk membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh lembaga pengarah atau pemegang saham utamanya. Pemegang saham atau pengarah boleh memulakan prosiding terbitan apabila lembaga pengarah enggan meneruskan atau mempertahankan tindakan terhadap kerosakan yang dilakukan kepada syarikat oleh pihak ketiga yang lain.

Walaupun pengarah bebas mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada syarikat seperti pengarah lain, mereka memainkan peranan yang unik dalam melindungi kepentingan pemegang saham minoriti. Jika mereka menganggap pengarah lain telah melanggar tanggungjawab fidusiari mereka atau memudaratkan syarikat, prosiding terbitan boleh dilihat sebagai langkah yang bertanggungjawab dan perlu dilakukan.

Prosiding terbitan meningkatkan kebertanggungjawapan dalam syarikat, berfungsi sebagai penghalang terhadap salah laku pada masa hadapan serta mengukuhkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawapan dalam tadbir urus korporat.

Sebaliknya, potensi liabiliti undang-undang yang timbul daripada prosiding terbitan menggalakkan pengarah bebas untuk memperjuangkan dan menegakkan standard etika yang tinggi dalam sesebuah organisasi. Ia menekankan kepentingan pengawasan aktif bagi meminimumkan risiko kewangan dan tindakan undang-undang.

Sebelum meneruskan prosiding terbitan, pengarah bebas perlu menunjukkan bahawa mereka telah kehabisan ikhtiar untuk memulihkan keadaan dari dalam syarikat, misalnya mengetengahkan keimbangan mereka kepada perhatian lembaga atau cuba membetulkan isu berkenaan melalui proses dalaman. Jika pertikaian itu melibatkan tuntutan undang-undang, pelanggaran tata kelakuan atau isu yang tidak dapat diselesaikan dalam bilik lembaga pengarah, perkara itu mungkin perlu dibawa ke mahkamah.

Pengarah bebas memikul peranan pengawasan dan tadbir urus serta memastikan syarikat berada dalam jagaan yang baik. Langkah yang belum pernah dilakukan

oleh pengarah MGRC mungkin menjadi inspirasi kepada pengarah bebas lain untuk lebih berwaspada serta memainkan peranan yang lebih aktif dalam tadbir urus korporat.

Lim Cian Yai
Pengurus, Pemantauan Korporat

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 27 November hingga 1 Disember 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Menang Corporation (M) Berhad (AGM)	<p>Menang Development (M) Sdn. Bhd. ('MDSB'), sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat terpaksa melupuskan beberapa harta tanahnya pada harga pertimbangan RM7,376,204 dan RM576,311 sebagai penyelesaian terhadap pertimbangan belian dua bidang tanah daripada Zillion Sdn. Bhd. (Halaman 111, Laporan Tahunan)</p> <ul style="list-style-type: none">a) Dimanakah lokasi tanah yang dibeli daripada Zillion Sdn Bhd?b) Mengapakah Syarikat memilih untuk menyelesaikan pertimbangan belian tanah tersebut melalui pertukaran harta tanah dan bukan secara tunai?c) Adakah harta tanah Syarikat yang ditukarkan dengan tanah itu dinilai pada nilai pasaran? Jika tidak, apakah alasannya?d) Apakah kaedah penilaian yang digunakan apabila Syarikat memperoleh tanah itu daripada Zillion Sdn Bhd?
Karex Berhad (AGM)	<p>Penyusunan semula rangkaian logistik membolehkan Kumpulan membuat perancangan yang lebih baik terhadap inventori bahan mentah serta penghantaran produk kepada pelanggan. Ini akhirnya meningkatkan agregat margin untung kasar (<i>gross profit margin</i>, GPM) yang melepas angka 25% buat kali pertama sejak tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020. (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none">a) Berdasarkan tinjauan semasa untuk kos input utama Kumpulan, apakah prospek untuk mengekalkan atau menambah baik GPM?b) Melangkah ke hadapan, bidang manakah yang akan menjadi tumpuan untuk penambahaikan, supaya

	<p>Kumpulan dapat merekodkan GPM sebanyak 30% seperti yang pernah dicapai sebelum ini pada tahun kewangan 2017?</p> <p>c) Ada berita melaporkan bahawa Kumpulan akan melancarkan produk kondom baharu iaitu kondom grafena dan kondom sintetik pada tahun kewangan 2024. Apakah anggaran julat GPM untuk produk baharu ini berbanding kondom lateks yang sedia ada?</p>
INSAS Berhad (AGM)	<p>Segmen Perkhidmatan Kewangan serta Kredit dan Pajakan, penyumbang utama kepada keuntungan Insas pada tahun kewangan 2023, merekodkan penurunan sebanyak 22.62% dalam keputusan segmen kepada RM26.89 juta berbanding RM34.75 juta pada tahun kewangan 2022 (Halaman 189 dan 190, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Jumlah pendapatan menyusut kepada RM66.41 juta daripada RM79.42 juta, dengan pendapatan rata-rata lebih rendah, termasuklah pendapatan faedah, komisen pemberokeran dan yuran nasihat kewangan korporat.</p> <p>Bagaimanakah jangkaan prestasi bahagian ini pada tahun kewangan 2024, dengan penyertaan runcit yang sederhana dalam pasaran saham serta persekitaran makroekonomi yang mencabar? Adakah Kumpulan meramalkan aktiviti pemberian pinjaman akan kembali pulih dengan kemungkinan berlaku pertumbuhan dalam saiz portfolio pinjaman?</p>
Classita Holdings Berhad (AGM)	<p>Juruaudit forensik iaitu Virdos Lima Consultancy (M) Sdn Bhd telah dilantik pada April 2022 untuk menjalankan audit forensik bebas terhadap dakwaan transaksi yang mencurigakan dan menyimpang daripada kebiasaan dalam Caely (M) Sdn Bhd ('Caely M'), sebuah anak syarikat milik Caely.</p> <p>Pada 23 Oktober 2023, Virdos Lima menyerahkan laporan siasatan kepada Classita. Dalam jawapan kepada pertanyaan Bursa Malaysia bertarikh 25 Oktober 2023, Classita menyatakan laporan forensik itu mendedahkan bahawa terdapat 'penyelewengan berkaitan urus niaga Caely M dengan pihak tertentu yang terdiri daripada siri urus niaga yang meragukan, potensi terdapatnya kepentingan kewangan yang disembunyikan serta perhubungan yang bercanggah, yang menjelaskan ketelusan dan kredibiliti pendedahan kewangan Syarikat'.</p> <p>Perkara ini sedang menunggu litigasi di hadapan Mahkamah.</p> <p>a) Berdasarkan penemuan laporan siasatan forensik, apakah kelemahan yang menyebabkan berlakunya penyelewengan dalam sesetengah urus niaga, konflik kepentingan dan isu yang melibatkan tadbir urus korporat?</p>

	<p>Apakah tindakan yang diambil oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan untuk menangani kelemahan atau isu-isu yang dikenal pasti dalam laporan tersebut?</p> <p>Apakah cadangan yang diusulkan oleh Virdos Lima, jika ada, bagi memperkuuh rangka kerja pengurusan risiko Classita? Adakah cadangan ini diterima untuk dilaksanakan oleh syarikat? Cadangan manakah yang masih belum diterima, jika ada?</p> <p>b) Menurut Classita, jumlah ter hutang daripada pihak berkaitan yang diketengahkan dalam laporan siasatan itu telah dirosot nilai sepenuhnya dalam penyata kewangan Kumpulan pada tahun kewangan sebelum ini.</p> <p>Apakah item yang dikaitkan dengan amaun yang dirosot nilai ini? Berapakah jumlah yang telah dirosot nilai oleh Classita sebelum ini? Sejauh manakah kebarangkalian amaun ini dapat dipulihkan? Apakah cara yang sedia ada untuk mendapatkan semula jumlah tersebut?</p>
AWC Berhad (AGM)	<p>1. Bahagian Fasiliti melaporkan kerugian buat julung kalinya dalam sejarah, sebanyak RM5.9 juta berbanding keuntungan RM11.7 juta pada tahun kewangan 2022 (Halaman 63, Laporan Tahunan 2023). Prestasi ini dipengaruhi oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Rosot nilai ke atas penghutang berjumlah kira-kira RM4.5 juta (termasuk RM2.9 juta yang ter hutang daripada sebuah syarikat berkaitan di bawah bahagian Kejuruteraan). - Peningkatan perbelanjaan operasi yang disebabkan oleh Ordinan Gaji Minimum 2022 serta pindaan ke atas Akta Kerja, berjumlah lebih RM5.0 juta. - Kos daripada kerja-kerja tidak berjadual berjumlah kira-kira RM5.0 juta. <p>a) Mengapakah syarikat berkaitan di bawah bahagian Kejuruteraan ini tidak dapat membayar balik hutangnya kepada bahagian Fasiliti? Apakah keadaan yang menyebabkan berlaku rosot nilai terhadap penghutang daripada syarikat berkaitan ini?</p> <p>Apakah tindakan dan usaha yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah penghutang ini sebelum Kumpulan membuat peruntukan rosot nilai ke atasnya?</p> <p>b) Apakah yang dimaksudkan dengan kerja-kerja tidak berjadual dan dari manakah timbulnya kerja-kerja tidak berjadual ini? Mengapakah AWC tidak menyalurkan kos ini kepada pelanggan, sebaliknya menanggung kos tambahan daripada kerja-kerja tidak berjadual ini?</p>

	<p>2. Prestasi bahagian Alam Sekitar juga dipengaruhi oleh beberapa faktor yang tidak dijangka iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Beberapa projek di Singapura menjadi membebankan, berjumlah RM4.2 juta. - Semakan menurun terhadap margin untung kasar bagi sebuah projek di Singapura sebanyak RM1.7 juta. - Rosot nilai ke atas penghutang perdagangan sebanyak RM1.6 juta <p>a) Sila hurlaikan sebab-sebab projek luar negara ini dilabelkan sebagai 'membebankan' dan bukannya beroperasi dalam keadaan biasa. Bagaimanakah projek yang 'membebankan' ini mempengaruhi prestasi kewangan AWC?</p> <p>b) Adakah AWC telah menjangka bahawa GPM untuk projek di Singapura akan dikenakan semakan menurun? Jika ya, adakah Kumpulan memasukkan perkara ini ke dalam pertimbangannya sewaktu merundingkan kontrak dengan pelanggan? Jika tidak, mengapakah perkara ini tidak dijangka? Apakah yang menyebabkan terhakisnya margin bagi projek tersebut?</p>
Fintec Global Berhad (AGM)	<p>Berdasarkan laporan tahunan dan pengumuman terkini yang dibuat oleh setiap syarikat awam tersenarai (<i>public listed companies, PLC</i>) berikut, kepentingan Fintec dalam Seacera Group Berhad, Focus Dynamic Group Berhad dan NetX Holdings Berhad, masing-masing adalah sebanyak 24.66%, 30.63% dan 23.21%.</p> <p>a) Adakah Fintec menggunakan pengaruhnya yang signifikan ke atas lembaga pengarah dan pihak pengurusan penerima pelaburan ini melalui kepentingannya yang besar? Adakah Fintec akan mempertimbangkan untuk melaksanakan kawalannya ke atas syarikat-syarikat ini, memandangkan Fintec mempunyai objektif pelaburan yang berjangka panjang?</p> <p>b) Jika dibandingkan dengan dasar perakaunan sedia ada untuk mengiktiraf keuntungan atau kerugian nilai saksama daripada pelaburan dalam syarikat penerima pelaburan, sejauh manakah kaedah perakaunan ekuiti ini diaplikasikan bagi mengiktiraf keuntungan dan kerugian untuk penerima pelaburan ini dalam akaun Fintec?</p> <p>c) Sila jelaskan penggunaan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (<i>fair value through other comprehensive income, FVOCI</i>) atau nilai saksama melalui untung atau rugi (<i>fair value through profit or loss, FVTPL</i>) dalam pelaburan ekuiti Fintec.</p> <p>d) Pengumuman DGB Asia Berhad bertarikh 2 Julai 2020 menunjukkan bahawa Fintec tidak lagi menjadi</p>

	<p>pemegang saham utama Syarikat. Selain itu, analisis pemegangan saham DGB Asia pada 31 Mac 2023, yang dinyatakan dalam laporan tahunannya untuk 2022, juga tidak menyenaraikan Fintec atau anak-anak syarikat Fintec sebagai salah satu pemegang sahamnya.</p> <p>Sila jelaskan kepentingan Fintec dalam DGB Asia. Di manakah kita boleh mengakses maklumat tersebut?</p> <p>e) Berapakah jumlah yang dilaburkan oleh Fintec dalam Seacera, Focus Dynamics, NetX dan DGB Asia? Apakah nilai pasaran semasa untuk pelaburan-pelaburan ini?</p> <p>f) Menyaksikan harga saham Seacera kembali pulih selepas Bursa Malaysia menarik balik status Nota Amalan 17, adakah sudah tiba masanya untuk Fintec meraih pulangan daripada pelaburannya itu? Jika tidak, bilakah masa yang sesuai untuk Fintec merealisasikan pelaburannya dalam Seacera? Apakah kelebihan Seacera di mata Fintec?</p>
Cheetah Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Peruntukan kerugian rosot nilai ke atas penghutang lain melambung daripada RM12,678 pada tahun kewangan 2022 kepada RM1.7 juta pada tahun kewangan 2023 (Halaman 80, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Sila nyatakan item dalam penghutang lain yang dikenakan kerugian rosot nilai.</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam peruntukan kerugian rosot nilai ke atas penghutang lain?</p> <p>c) Apakah strategi atau langkah yang dipertimbangkan oleh Kumpulan bagi mengurangkan risiko yang menyebabkan peningkatan ketara dalam peruntukan kerugian rosot nilai ke atas penghutang lain?</p> <p>d) Berapakah daripada jumlah yang dirosot nilai ini telah berjaya dikutip sehingga kini?</p> <p>2. Peruntukan kerugian rosot nilai ke atas jumlah terhutang oleh anak syarikat meningkat dengan mendadak daripada RM3.6 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM27.5 juta pada tahun kewangan 2023 (Halaman 83, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Apakah punca utama kenaikan yang besar dalam peruntukan kerugian rosot nilai ke atas jumlah terhutang oleh anak syarikat?</p> <p>b) Apakah kemungkinan berlakunya pertambahan dalam rosot nilai atau pembalikan atau pemulihan ke atas jumlah yang terhutang oleh anak syarikat ini?</p>

	<p>c) Berapakah daripada jumlah yang dirosot nilai ini telah berjaya dikutip sehingga kini?</p>												
MAG Holding Berhad (AGM)	<p>Jadual berikut menyenaraikan tunai dan baki bank Kumpulan:</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; width: 10%;">Nota</th> <th style="text-align: center; width: 30%;">2023 RM'000</th> <th style="text-align: center; width: 30%;">2022 RM'000</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Wang tunai dan baki bank</td> <td style="text-align: center;">(a) 163,668</td> <td style="text-align: center;">162,038</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Deposit tetap dengan bank berlesen</td> <td style="text-align: center;">1,342</td> <td style="text-align: center;">1,308</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">Tunai dan kesetaraan tunai</td> <td style="text-align: center;">165,010</td> <td style="text-align: center;">163,346</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota (a): Termasuk dalam tunai dan baki bank Kumpulan ialah baki bank berjumlah RM162.1 juta (2022: RM160.1 juta) yang ditempatkan dalam institusi kewangan di Republik Rakyat China (People's Republic of China, PRC) (Halaman 113, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Memandangkan sebahagian besar tunai dan baki bank Kumpulan disimpan sebagai deposit dengan institusi kewangan di PRC, sila huraikan bagaimanakah pengaturan ini memberi kesan terhadap operasi di Malaysia? Sekiranya tiada kesan yang ketara, apakah sebabnya?</p> <p>b) Jika penempatan dengan institusi kewangan di PRC ini bertujuan untuk digunakan sebagai pelaburan atau pengembangan perniagaan MAG di PRC, sila berikan butiran berhubung pelaburan dan/ atau pengembangan itu, termasuk jenis pelaburan/ pengembangan, jumlah yang diperlukan serta prospek pelaburan/ pengembangan itu. Sila nyatakan juga sama ada Kumpulan mempunyai sumber yang diperlukan untuk mengurus pelaburan/ pengembangan tersebut.</p> <p>c) Adakah Syarikat pernah membuat sebarang penilaian risiko yang berkaitan penyimpanan dana di bank di luar negara, dengan mengambil kira faktor seperti turun naik kadar pertukaran serta perubahan peraturan kawal selia di PRC?</p> <p>d) Apakah justifikasi Kumpulan untuk menyimpan dana di bank PRC? Adakah ia sejajar dengan strategi keseluruhan syarikat dan dapat menyumbang kepada peningkatan nilai pemegang saham?</p>	Nota	2023 RM'000	2022 RM'000	Wang tunai dan baki bank	(a) 163,668	162,038	Deposit tetap dengan bank berlesen	1,342	1,308	Tunai dan kesetaraan tunai	165,010	163,346
Nota	2023 RM'000	2022 RM'000											
Wang tunai dan baki bank	(a) 163,668	162,038											
Deposit tetap dengan bank berlesen	1,342	1,308											
Tunai dan kesetaraan tunai	165,010	163,346											
S & F Capital Berhad (AGM)	Nisbah semasa Kumpulan turun kepada 1.28 berbanding 3.07 pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh jumlah terutang kepada pemegang saham lain di peringkat anak syarikat, untuk membayai pembelian dan pembangunan tanah yang baru diambil alih di Kedah. Walau bagaimanapun, nisbah semasa 1.28 pada tahun kewangan 2023 menunjukkan Kumpulan masih berada dalam kedudukan kecairan kewangan yang agak baik untuk menampung hutangnya (Halaman 11, Laporan Tahunan 2023).												

	<p>Adakah Kumpulan merancang untuk menambah baik tahap nisbah semasa dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang? Jika ya, apakah tahap nisbah semasa yang disasarkan Kumpulan?</p>
Rhong Khen International Berhad (AGM)	<p>Kadar faedah yang tinggi di Amerika Syarikat (AS) menjelaskan jualan perabot di negara Uncle Sam itu, kerana kebanyakan pelanggan telah mengurangkan pesanan antara 30% hingga 50%. Industri perabot juga perlu mengurus situasi inventori yang berlebihan di AS serta peningkatan kos buruh di Malaysia dan Vietnam. (Halaman 9, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapakah jumlah pendapatan dan keputusan segmen untuk operasi Vietnam dan operasi Malaysia, masing-masing pada tahun kewangan 2022 dan tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Apakah prospek Lembaga Pengarah terhadap situasi lambakan inventori di AS? Adakah situasi ini dijangka berterusan sehingga tahun kewangan 2024?</p> <p>c) Kumpulan mengurangkan jumlah tenaga kerjanya kepada kira-kira 4,200 pekerja pada tahun kewangan 2023 berbanding kira-kira 5,900 pekerja pada tahun sebelumnya. (Halaman 4, Laporan Tahunan 2023 dan halaman 4, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Selain pengurangan tenaga kerja, sila huraikan strategi pengawalan kos lain yang diguna pakai pada tahun akan datang, seiring dengan pengurangan pesanan jualan daripada pasaran AS.</p>
Ageson Berhad (AGM)	<p>Berdasarkan Laporan Pengauditan Penyata Kewangan ('Laporan') yang dikeluarkan oleh juruaudit luar, asas kepada pendapat penafian (<i>disclaimer of opinion</i>) melibatkan isu dengan empat syarikat iaitu Ageson Berhad, Ageson SMSGMBH Sdn. Bhd., Ageson Power Sdn. Bhd. dan Ageson Industrial Sdn. Bhd.</p> <p>(Sumber: Pengumuman bertarikh 31 Oktober 2023 berhubung laporan Audit - Pendapat Terubah suai/ Pendapat Penafian yang disebabkan oleh Ketidakpastian Ketara Berkaitan Usaha Berterusan)</p> <p>Apakah tindakan yang diambil untuk menangani isu audit yang melibatkan empat syarikat yang dinyatakan di atas, seperti yang dilaporkan oleh juruaudit luar dalam Laporannya? Adakah langkah semasa mampu menangani isu yang diketengahkan oleh juruaudit luar?</p>
CSH Alliance Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, Kumpulan mencatatkan kerugian nilai saksama sebanyak RM21,999,999 ke atas pelaburan lain, yang terdiri daripada pelaburan ekuiti tidak disebut harga dalam sebuah syarikat Malaysia. (Halaman 94, Laporan Tahunan 2023)</p>

	<ul style="list-style-type: none"> a) Apakah punca kerugian nilai saksama yang begitu besar? b) Apakah nama syarikat Malaysia ini dan berapakah jumlah pegangan saham anda? Apakah latar belakang syarikat ini? c) CSH melabur dalam syarikat ini pada tahun kewangan 2021 dengan nilai dibawa bersih RM22 juta. Apakah rasional di sebalik pelaburan itu? d) Apakah kebarangkalian berlaku pembalikan terhadap kerugian ini pada masa hadapan?
Uzma Berhad (AGM)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan telah menghapus kira pelaburan lain berjumlah RM3.975 juta pada tahun kewangan 2023. Jumlah ini tiada pada tahun kewangan 2022. (Halaman 196, Laporan Tahunan) <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah jenis pelaburan lain yang dihapus kira pada tahun kewangan 2023 ini? b) Mengapa ia dihapus kira? 2. Kumpulan terpaksa menjelaskan kerugian nilai saksama ke atas saham ekuiti yang tidak disebut harga ini sebanyak RM3.975 juta daripada pelaburan awal berjumlah RM4.08 juta pada tahun kewangan 2023. (Halaman 260, Laporan Tahunan) <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah yang membuatkan Kumpulan mengambil keputusan untuk melabur dalam saham ekuiti yang tidak disebut harga ini, yang akhirnya membawa kepada kerugian nilai saksama yang besar? b) Apakah perniagaan utama syarikat penerima pelaburan saham ekuiti yang tidak disebut harga ini?
Bonia Corporation Berhad (AGM)	<p>Juruaudit dalam telah membuat dua lawatan audit ke unit perniagaan yang disasarkan yang mewakili bidang risiko utama pada tahun kewangan 2023. Yuran yang ditanggung untuk fungsi audit dalam pada tahun kewangan 2023 berjumlah RM29,680. (Halaman 93, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah bidang atau kitaran risiko utama yang diliputi oleh juruaudit dalam pada tahun kewangan 2023? b) Melihat jumlah yurannya yang agak kecil (kira-kira RM2,473 sebulan) berbanding pendapatan Kumpulan sebanyak RM424 juta pada tahun kewangan 2023, bagaimanakah Jawatankuasa Audit memastikan terdapat perlindungan yang mencukupi serta fungsi audit yang berkesan?

Zen Tech International Berhad
(AGM)

Seperi yang dinyatakan dalam Laporan Juruaudit Bebas Zen Tech di bawah bahagian Keraguan Profesional, juruaudit berasa ragu-ragu terhadap usaha niaga Pengurusan bagi tahun semasa dan tahun sebelumnya. Ia berhubung pemerolehan perniagaan baharu dan saham syarikat baharu yang tidak menjadi kenyataan, selain mempunyai kes litigasi yang sedang berjalan untuk mendapatkan semula deposit yang boleh dikembalikan yang telah dibayar oleh Syarikat dan anak-anak syarikat, seperti berikut:

	Syarikat/ Pengarah /Firma	Deposit boleh dikembalikan RM	Rosot nilai
a)	World Gloves International Group Sdn Bhd dan Goh Poh Seng	1,000,000	Rosot nilai dibuat pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022
b)	Signature Healthland Sdn Bhd (SHSB) dan pengarah SHSB	3,500,000	Rosot nilai dibuat pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2022
c)	Lim Khai Guan daripada DS Agriculture Plantation Sdn Bhd (DS Agri)	3,000,000 (Deposit dibayar kepada Tetuan NZ Ling & Co)	Tiada rosot nilai dibuat
d)	Tetuan NZ Ling & Co	700,000	Tiada rosot nilai dibuat

(Halaman 73 & 147, Laporan Tahunan 2023)

- a) Kumpulan mempunyai rekod memeterai perjanjian untuk memperoleh perniagaan baharu dan saham syarikat baharu dengan membayar deposit yang tinggi sebanyak 55% hingga 70% daripada pertimbangan belian, kemudian mereka membatalkan dan menamatkan kontrak. (Halaman 119, Laporan Tahunan 2023) Mengapakah Lembaga Pengarah membenarkan Kumpulan memeterai perjanjian-perjanjian itu dengan bayaran deposit yang tinggi?
- b) Apakah panduan yang diberikan oleh Jawatankuasa Audit kepada pihak Pengurusan sewaktu merundingkan syarat-syarat berkaitan deposit?
- c) Mengapakah deposit ini tidak dimasukkan ke dalam akaun eskrow yang dipegang oleh peguam bagi memastikan tiada isu untuk mengembalikan wang tersebut?

	<p>d) Apakah perkhidmatan perundingan yang diberikan oleh Tetuan NZ Ling & Co yang mengenakan yuran perundingan sebanyak RM700,000?</p> <p>e) Apakah pandangan Jawatankuasa Audit serta Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko berkenaan Keraguan Profesional yang dibangkitkan oleh juruaudit?</p> <p>f) Memandangkan ketiga-tiga perjanjian yang dimeterai tidak menjadi kenyataan dan ia disusuli pula dengan kes litigasi yang berterusan untuk mendapatkan semula deposit yang boleh dikembalikan yang telah dibayar oleh Kumpulan, bagaimanakah pengarah bebas memainkan peranan mereka untuk melindungi kepentingan Syarikat dan pemegang saham minoriti?</p> <p>g) Adakah Lembaga Pengarah menyediakan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh bagi mengurangkan risiko kehilangan sejumlah besar deposit yang timbul daripada perjanjian yang dibatalkan dan penamatkan kontrak, pada masa hadapan?</p>
Jaya Tiasa Holdings Bhd (AGM)	<p>Di bawah sektor penghutanan semula, Kumpulan kini mengurus kawasan penghutanan semula seluas 120,395 hektar. Daripada 75,622 hektar kawasan yang boleh ditanam, 39,145 hektar telah ditanam sehingga penghujung tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: 35,655 hektar). (Halaman 11, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Berapakah keluasan (dalam hektar) ladang hutan yang disasarkan oleh Kumpulan untuk ditanam pada tahun kewangan berakhir 2024?</p> <p>b) Komitmen Kumpulan untuk membangunkan ladang hutannya secara agresif tetap menjadi keutamaan dalam usaha Kumpulan untuk menanam sepenuhnya menjelang tahun 2025, dengan spesies pokok yang cepat tumbuh seperti Eucalyptus Pelliita, Eucalyptus Deglupta (Kamarere), Albizia Falcataria (Batai) dan Kelampayan bukan sahaja sebagai sumber bekalan balak yang mampan tetapi juga untuk memulihara hutan. (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Memandangkan Kumpulan hanya menanam 3,490 hektar pada tahun kewangan 2023, adakah mereka berupaya mencapai sasaran untuk membangunkan dan menanam sepenuhnya baki ladang hutan seluas 36,477 hektar menjelang tahun 2025?</p>
Metronic Global Berhad (AGM)	Kerugian daripada operasi meningkat 132% kepada RM9.77 juta daripada -RM4.2 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh lonjakan dalam perbelanjaan operasi berjumlah RM16.7 juta berbanding RM5.74 juta pada tahun kewangan sebelum ini. (Halaman 127,

	<p>Laporan Tahunan 2023). Perkara-perkara yang menyumbang kepada peningkatan kerugian ini adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hapus kira hutang lapuk - RM1.07 juta - Kerugian rosot nilai ke atas aset tidak ketara - RM2.96 juta - Kerugian daripada pelupusan saham disebut harga - RM1.5 juta - Kerugian daripada perubahan nilai saksama pelaburan dalam saham disebut harga - RM1.2 juta <p>a) Item apakah yang dikaitkan dengan hutang lapuk? Apakah usaha yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah tersebut sebelum MGB menghapus kira jumlah itu daripada bukunya?</p> <p>b) Kerugian rosot nilai ke atas aset tidak ketara adalah berkaitan jumlah perisian e-dagang yang boleh dipulihkan (Halaman 108, Laporan Tahunan 2023). Mengapakah MGB menjelaskan jumlah perisian e-dagang yang boleh dipulihkan itu? Adakah rosot nilai ini dibuat berikutan usaha niaga e-dagang baharu yang diumumkan oleh MGB pada Ogos 2022? Jika ya, mengapakah MGB membuat rosot nilai ke atas jumlah yang boleh dipulihkan semula sejurus selepas pelancaran usaha niaga baharu itu?</p> <p>c) Apakah saham disebut harga yang dilupuskan oleh MGB pada tahun kewangan 2023? Sila nyatakan untung dan rugi yang dicatatkan untuk saham tersebut.</p> <p>d) Sehingga 30 Jun 2023, saiz pelaburan lain MGB meningkat kepada RM6.75 juta daripada RM4.08 juta. Portfolio ini terdiri daripada pelaburan dalam saham disebut harga dan Dana Pelaburan Hartanah (<i>real estate investment trust, REITs</i>).</p> <p>Apakah strategi pelaburan yang diamalkan oleh MGB? Apakah sasaran pulangan yang ingin dicapai oleh Syarikat daripada pelaburan ini?</p>
Scanwolf Corporation Berhad (AGM)	<p>Scanwolf tetap mengalami kerugian pada tahun kewangan 2023 dengan rugi bersih sebanyak RM10.4 juta (tahun kewangan 2022: -RM17.07 juta), terutamanya disebabkan oleh jualan yang rendah yang dicatatkan oleh bahagian Pembuatan. Ini adalah tahun ketiga berturut-turut Scanwolf mengakhiri tahun fiskal dengan kerugian.</p> <p>Kerugian itu mengakibatkan peningkatan dalam kerugian terkumpul, yang kini berjumlah RM23.7 juta (tahun kewangan 2022: RM13.48 juta), seterusnya menurunkan jumlah ekuiti Scanwolf kepada RM57.4 juta daripada RM67.32 juta setahun yang lalu. Sementara itu, modal sahamnya berjumlah RM82.02 juta.</p> <p>Angka-angka ini menimbulkan kegusaran bahawa Scanwolf mungkin disenaraikan ke dalam status Nota Amalan 17,</p>

	<p>sekiranya kerugian ini berterusan. Keadaan ini diburukkan lagi oleh bahagian Pembuatan dan Pembangun Hartanah Scanwolf yang terus mencatatkan kerugian.</p> <p>Tambahan pula, kerugian bersih yang dicatatkan oleh Syarikat dan Kumpulan, membuatkan juruaudit luar Tetuan PKF PLT turut membangkitkan isu usaha berterusan untuk Kumpulan dan Syarikat.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Dengan kedudukan kerugian bersih, peningkatan dalam kerugian terkumpul, ekuiti pemegang saham yang menyusut serta tahap tunai yang rendah, apakah strategi yang berdaya maju yang dirancang bagi memastikan kemampanan dan kesinambungan perniagaan Scanwolf dalam jangka panjang? b) Bagaimanakah prospek Scanwolf dalam tempoh terdekat? Bilakah Kumpulan dijangka dapat meraih keuntungan? Bagaimanakah jangkaan prestasi perniagaan teras iaitu pembuatan jubin lantai vinil pada tahun kewangan 2024? c) Apakah hasil daripada ‘pelbagai strategi perniagaan untuk meningkatkan pendapatan’ yang giat dijalankan oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan? d) Scanwolf mempunyai liabiliti kewangan berjumlah RM15.33 juta yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan akan datang mulai 30 Jun 2023 (Halaman 56 dan 107, Laporan Tahunan 2023). Melihat tahap tunai yang rendah iaitu RM200,004, bagaimanakah pihak Pengurusan merancang untuk menghadapi risiko kecairan jangka pendek serta keperluan tunai Kumpulan?
Kluang Rubber Company (Malaya) Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melaporkan untung selepas cukai sebanyak RM43.05 juta pada tahun kewangan 2023. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh bahagian keuntungan Kumpulan dalam keputusan syarikat bersekutu sebanyak RM4.31 juta, berbanding kerugian berjumlah RM13.48 juta pada tahun kewangan 2022 (Halaman 19, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Dividen yang diterima daripada syarikat bersekutu menyusut kepada RM2.40 juta (tahun kewangan 2022: RM4.12 juta) (Halaman 96, Laporan Tahunan 2023). Adakah Syarikat sedar mengapa dividen yang diterima daripada syarikat bersekutu menurun sebanyak 41.7% sedangkan syarikat bersekutu mencatatkan keputusan yang positif?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, (nuramirah@mswg.org.my)
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (yan.laikuan@mswg.org.my)
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, (lam.junket@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.